

Aktif bersukan minda segar, cerdas

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Aktif bersukan dan mewakili negara dalam pelbagai kejohanan di pentas antarabangsa bukan penghalang kepada atlet wushu negara, **Chai Fong Wei** menamatkan pengajian sehingga ke peringkat sarjana.

Malah atlet berusia 28 tahun itu berkata, sukan wushu banyak membantunya untuk meningkatkan daya ingatan dan fokus dalam pelajaran sejak mula menyertai skuad kebangsaan 13 tahun lepas.

"Masa kecil dulu, daya ingatan saya tidak begitu baik, boleh kata perlahan. Oleh kerana dalam wushu kita berlatih membuat banyak pergerakan dan perlu ingat semua corak pergerakan itu, ia memang membantu saya dalam pelajaran."

"Saya menyarankan semua untuk aktif bersukan kerana ia membantu minda menjadi segar dan

berfungsi dengan baik. Ada yang cakap apabila bersukan, badan penat dan mengantuk, tetapi sebenarnya ia membantu kita fokus pada pelajaran dan saya tidak pernah tidur dalam kelas," katanya kepada pemberita pada majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-40 dekat sini, hari ini.

Graduan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Putra Business School, UPM itu, berkata cabaran utama ialah menguruskan masa untuk belajar dan membuat tugasan universiti walaupun sibuk dengan latihan dan kejohanan antarabangsa.

Fong Wei yang pernah meraih satu pingat perak dan dua gangsa pada Kejohanan Wushu Dunia, pingat emas Sukan SEA serta gangsa Sukan Olimpik 2008 apabila acara itu diadakan sebagai acara pertunjukan, bagaimana-

pun mengambil keputusan untuk bersara sebagai atlet.

"Selepas ini saya hendak memulakan kerjaya dalam pentadbiran dan seterusnya memulakan perniagaan sendiri. Saya mahu menjadi jurulatih wushu dan membuka pusat latihan wushu sendiri," katanya.

Selain Fong Wei, dua lagi atlet wushu kebangsaan yang menamatkan pengajian peringkat sarjana di UPM pada tahun ini ialah **Loh Jack Chang** dan **Diana Bong Siong Lin** dalam bidang Komunikasi Korporat di bawah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

Diana, 31, yang pernah merangkul satu pingat emas pada Kejohanan Dunia, satu emas di Sukan Asia dan empat emas di Sukan SEA, berkata beliau masih menyimpan hasrat untuk meningkatkan pencapaiannya pada kejohanan akan datang.



PRESIDEN Putra Business School UPM, Prof Dr Zulkarnain Yusop mengucapkan tahniah kepada penerima Anugerah Presiden, Justin Chin Khim Fatt (dua dari kiri) dan tiga atlet wushu, (dari kiri) Diana Bong Siong Lin, Loh Jack Chang dan Chai Fong Wei yang menerima ijazah sarjana dalam Majlis Konvokesyen UPM Ke-40 di Serdang, Selangor, semalam. - BERNAMA

"Memang sukar menguruskan masa antara pelajaran dan kerjaya sukan kerana kita tidak boleh meluangkan banyak masa membuat tugas dan perbincangan dengan rakan sekelas untuk pem-

bentangan. Tetapi, selepas ini saya akan fokus seratus peratus pada latihan dan mahu bertanding di Sukan Asia 2018," katanya. Sementara itu, Jack Chang yang masih segar dengan ke-

jayaan meraih dua emas dan gangsa pada Kejohanan Taijiquan Dunia di Warsaw, Poland minggu lepas, mahu memburu lebih banyak kejayaan sebagai atlet wushu negara. - BERNAMA